

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS..... Siri ke-303

LARANGAN ISLAM TERHADAP ARAK



BERKATA Al-Imam Ibnu Hajar dalam Kitab Az-Zawajiru Aniq-Tirafil-Kabairi: Adalah dosa besar yang ke-371, 372, 373, 374, 375, 376, 377, 378, 379, 380, 381, dan 382 ialah minum arak semata-mata dan minum air yang memabukkan yang lain dari arak sekalipun satu titik, kiranya ia orang Shaff'ei, dan memerah arak dan air yang memabukkan, minta perahkan keduanya, dengan qaid akan datang, dan membawanya, dan minta bawakan kepadanya, seperti kerana meminumnya, kerana memberi minum, dan minta beri minumannya, menjukanya, membelinya, minta beli dan minta jualkan, memakan harganya, memegang dan memiliki salah satunya, ini 12 perkara pada arak dan seumpamanya 12 perkara pada air yang memabukkan yang lain dari arak. Erti arak: Air yang memabukkan yang diperah dari anggur dan yang diperah dari lain-lain buah dan biji-bijian dinamakan "Muskirun" iaitu air yang memabukkan, dan menurut satu qaul yang Asah (lebih sah) bahawa tiap-tiap air yang diperah yang memabukkan ialah arak sama ada dari anggur atau lain, jadi arak itu sama ada ia dibuat dari air anggur dan air lain buah dan biji-bijian adalah arak namanya pada syarak'.

Diriwayatkan oleh Al-Imam-Imam Al-Bukhari dan

Muslim dan Abu Daud dan At-Termizi dan An-Nasaei yang ertinya: Tiap-tiap yang memabukkan ialah arak, dan tiap-tiap yang memabukkan ialah haram. Dan riwayat Abu Daud: Dan tiap-tiap yang memabukkan itu ialah arak, dan tiap-tiap arak itu ialah haram. Dan diriwayatkan dan Al-Imam-Imam Ahmad dan Abu Ya'la yang ertinya: Ingatlah, maka tiap-tiap yang memabukkan ialah arak, dan tiap-tiap arak itu ialah haram.

Ini setengah-tengah hadis yang mengatakan arak dan tuak dan samsu dan lain-lain air yang diperah yang memabukkan itu haram hukumnya dalam Islam.

Hukum haram arak telah tersebut dalam Al-Quran dalam Surah Al-Maidah ayat 90 dan 91 ertinya:

Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala dan bertengung, adalah (pekerjaan) keji dari perbuatan syaitan. Sebab itu hendaklah kamu jauhi, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan. Sesungguhnya syaitan menghendaki, supaya menjatuhkan kamu dalam permusuhan dan berbenci-bencian sesama kamu, kerana arak dan berjudi, serta menghalangi kamu daripada mengingat Allah dan (mengerjakan) sembahyang. Adakah kamu

berhenti (daripada demikian itu)?

Tafsirnya dengan ringkas ialah: Hendaklah kamu berhenti dari meminum arak dan bermain judi, kerana syaitan itu berkehendakkan melagakan di antara kamu pada membuat permusuhan dan benci membenci dengan minum arak dan main judi itu dan menegah kamu dari ingatkan Allah dan dari mengerjakan sembahyang.

Telah ijmak dan sekata umat Islam mengatakan bahawa arak haram diminum dan telah diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabrani dengan Sanad Rijalnya Rijalus-Sahih daripada Sahabat Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma telah berkata yang ertinya: Tatkala diharamkan arak, maka sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pergi setengah kepada setengahnya dan mereka berkata arak telah diharamkan dan arak itu dijadikan sebagai rakan dan kamu sebaya Syirik (menyekutukan Allah).

Telah diriwayatkan Al-Imam Abu Daud dan lain-lain ulama hadis yang ertinya: Allah Taala telah mengharamkan arak dan harganya, dan Allah telah mengharamkan bangkai (seperti lembu dan kambing pangkung dan ayam yang tiada diketahui orang Islam

menyembelinya pun dinamakan bangkai) dan harganya, dan Allah telah haramkan babi dan harganya.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud yang ertinya: Allah Taala melaknatkan (mengutuk) arak, dan peminum arak, jurubawa-arak bagi diminum, pembeli arak, penjual arak, pembuat arak, orang yang minta buat arak, dan tukang angkat arak dan orang yang diangkat arak kepadanya, dan diriwayatkan oleh Ibnu Majah: Dengan menambah: Pemakan harganya (hasil dari jualan arak) dilaknat oleh Allah akan orang yang makan harga arak, dan diriwayatkan Ibnu Majah dan At-Termizi dengan lafaz hadis itu daripada At-Termizi dan katanya hadis itu Hasanun Gharib.

Berkata Al-Hafiz Al-Imam Al-Munziri: Rawi-rawi hadis ini adalah orang-orang Thiqat (dipercayai) hadis itu bererti: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat dalam perkara arak sepuluh orang: Tukang buat arak, orang yang minta buat arak, peminum arak, tukang angkat arak, orang yang diangkat arak kepadanya, tukang beri minum arak, penjual arak, pemakan harga arak, yang membeli arak, dan orang

yang membelikan kerana orang membeli arak.

Erti laknat: Dihalau dan dijauhkan dari rahmat Allah Taala.

Erti dosa besar bahawa orang yang melakukan dosa itu akan mendapat amaran yang keras sama ada dari Al-Quran atau Al-Hadis. Dengan azab dan siksa.

Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termidzi dan katanya hadis ini Gharib. Ertinya: Apabila umat saya (umat Islam) membuat 15 perkara, nescaya bala ke atas mereka, sahabat-sahabat bertanya apa 15 perkara ya Rasulullah? Sabda Baginda: Apabila ada harta tawanan perang dimiliki oleh sesuatu kumpulan lepas satu kumpulan, dan harta yang diamanahkan menjadi harta tawanan, dan zakat itu dipandang suatu bayaran denda yang mesti ditunaikan, suami taatkan isteri (kemudi di haluan), anak menyakiti dan derhaka akan ibunya, dan akan berbuat baik kepada rakannya, dan anak berbuat jahat kepada bapanya, dan suara bersahut-sahutan dalam masjid, dan ketua sesuatu kumpulan itu adalah ia sebina-hina orang daripada kumpulan itu, dan dimulikan seseorang itu kerana takutkan kejahatannya, dan diminum arak merata-rata, dan dipakai pakaian sutera, dan disediakan penyanyi-penyanyi perempuan dan alat-alat bunyian hiburan (bagaimana sekarang), dan melaknat orang-orang sekarang (orang yang kemudian) akan orang-

orang yang dahulu daripada umat Islam, maka ketika itu tunggulah akan angin merah (taufan) atau sedutan di bawah bumi (gempa bumi) atau ditukar rupa manusia menjadi kera dan seumpamanya.

Ini dia amaran ke atas orang-orang yang bersyubhah menjalankan usaha menyirikan minuman arak, tuak atau samsu dan lain-lain nama yang diberikan kepada arak itu iaitu mereka kena bala petaka angin ribut, gempa bumi dan disedut oleh bumi atau ditukar rupa mereka kepada babi atau kera dan sumpamanya balasan di atas mereka menghilangkan akal fikiran dengan arak dan mabuk itu.

Hukum minum arak adalah suatu hukum siksa di dalam Islam disebut 40 rotan, sebagaimana mencuri dipotong tangan dan membunuh dibalas bunuh jika tiada diampunkan oleh wali-wali si mati, dan menuduh perempuan Islam berzina disebut 80 rotan, dan berzina direjam jika ia Muhsan (sudah berkahwin) dan dara disebut 100 rotan, jadi kesalahan-minum arak adalah sangat besar dalam Islam, oleh itu bersubhat dan menyediakan arak bagi diminum orang Islam atau bukan Islam adalah besar dosanya bagaimana yang tersebut.

WALLAHUAKLAM.

HADIRI SIDANG SEAPAC III

BERAKAS. — Empat orang Pegawai Kanan dari Jabatan Pasukan Bomba kini berada di Singapura bagi menghadiri Persidangan Keselamatan Kebakaran Asia Tenggara dan Pasifik kali ketiga (SEAPAC III), selama empat hari bermula semalam.

Mereka ialah Penolong Pengawal Pasukan Bomba, Awang bin Haji Mat Daud selaku ketua rombongan, Penguasa Kanan Bomba, Awang Bakrin bin Haji Aliashim dan Awang Haji Hussin bin Haji Hassan, Pemangku Penguasa Kanan Bomba, Awang Johari bin Jaludin, dan Penguasa Bomba, Pengiran Mohd. Daud bin Pengiran Haji Mohammad dan Awang Haji Hashim bin Haji Hassan.

Turut sama dalam rombongan itu ialah Awang Yusof bin Haji Matasan, Pegawai Pentadbir di Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri.

Ini adalah kali kedua Jabatan Pasukan Bomba menghantar pegawai-pegawainya ke persidangan tersebut.



AWANG Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab, Pegawai Penerangan menyampaikan ceramah Konsep MIB kepada Pandu Puteri yang melawat Jabatan Penerangan. Gambar oleh Harun Rashid.

LAWAT PENERANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 29 orang Pandu Puteri dari Persatuan Pandu Puteri Sekolah Inggeris Berakas mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan di ibu negara pada Sabtu lepas.

Dalam siri lawatan ke jabatan ini seperti lazimnya pelawat-pelawat akan mendengarkan ceramah berkenaan dengan Konsep Melayu Islam Beraja dan penerangan ringkas mengenai struktur pemerintahan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai-pegawai Penerangan.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20 November, 1985 hingga ke hari Selasa 26 November, 1985 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
November												
20	12.12	3.29	3.30	6.07	6.08	7.22	7.23	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08
21-25	12.12	3.30	3.31	6.08	6.09	7.23	7.24	4.52	4.38	4.53	6.09	6.10
26	12.13	3.31	3.32	6.09	6.10	7.24	7.25	4.53	4.39	4.54	6.11	6.12

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Dipelawa jadi Pegawai Kadet Polis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemuda-pemuda yang terdiri dari rakyat negara ini adalah dipelawa bagi memenuhi jawatan Kadet Penolong Penguasa Polis dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Calon-calon hendaklah berkelulusan ijazah dalam Undang-Undang, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanik dan Akauntansi.

Gaji ialah PD 13-\$2570,

\$2630, \$2690, \$2760, \$2855, dan elaun Ijazah lulus ialah \$300.00 sebulan, ijazah keputian \$500.00 sebulan dan ijazah sarjana pula ialah \$700.00 sebulan.

Borang permohonan dan maklumat lanjut mengenai tempoh dan syarat perkhidmatan boleh diperolehi dari Ketua Latihan, Ibu Pejabat Polis, Pasukan Polis Diraja di Gadong. Tarikh tutup permohonan ialah 15 Disember depan.

KEBENARAN MENYEMPURNAKAN IMAN DAN ISLAM



tuk menyempurnakan iman dan Islamnya. Kerana Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan demikian serta memuji orang yang bersifat sedemikian. Begitu juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat-sangat menggalakkan umat Islam berpegang teguh dengan kebenaran dan Baginda amat banyak menyerukan mereka berbuat demikian. Firman Allah Taala dalam Surah At-Taubah yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan jadikanlah kamu beserta orang-orang yang benar."

Allah Taala telah memberi kepujian ke atas orang-orang yang bersifat benar sebagaimana firmanNya dalam Surah Al-Ahzab yang bermaksud kira-kira:

"Di antara orang-orang mukmin yang beserta Rasulullah Atahissalatu Wasallam di dalam Peperangan Al-Ahzab terdapat orang-orang yang benar yang telah membuktikan kebenaran mereka dengan bersabar, tiada berpaling, tidak dan tiada menarik balik janji-janji mereka kepada Allah serta tidak menukar pendirian mereka untuk terus berjuang dan mempertahankan agama Allah. Sesungguhnya Allah akan mengurniakan ganjaran pahala yang besar terhadap orang-orang yang bersifat benar itu."

Manakala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula telah bersabda memerintahkan umatnya supaya bersifat benar sebagaimana di dalam sebuah hadis Baginda bersabda yang bermaksud kira-kira:

"Wajiblah di atas kamu bersifat benar kerana sifat benar itu menuntun kepada kebajikan dan kebajikan itu menuntun ke syurga. Tiadalah orang yang sentiasa bersifat benar dan sentiasa berpegang teguh dengannya itu melainkan akhirnya akan termaktub di sisi Allah sebagai seorang 'siddiq' iaitu orang yang bersifat benar lagi sentiasa membenarkan ajaran-ajaran Islam. Dan wa-

dapat disimpulkan seperti berikut:

Pertama: Menimbulkan rasa ketenteraman di dalam jiwa kerana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sifat benar itu adalah suatu ketenteraman batin."

Kedua: Beroleh berkat di dalam mata pencarian dan bertambah-tambah kebajikan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud kira-kira:

"Penjual dan pembeli itu dibolehkan hiar yakni sama ada meneruskan jualan atau belian atau tidak, selagi kedua-duanya belum diang-

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan jadikanlah kamu beserta orang-orang yang benar."

jiblah kamu menjauhi yang bohong dan dusta kerana bohong dan dusta itu menuntun kepada kejahatan dan kejahatan itu ke neraka. Dan tiadalah orang yang bersifat bohong dan dusta itu melainkan akhirnya akan termaktub di sisi Allah sebagai orang pembongkang dan pendusta."

Ketahuilah bahawa di antara buah hasil dari berpegang dengan benar itu

gap berpisah dari majlis akad jual beli, selama kedua-duanya bersifat benar dan jujur selama itulah kedua-duanya mendapat berkat pada jual beli mereka, tetapi sekiranya masing-masing menyimpan tipu daya dan berbohong maka hapuslah berkat jual beli mereka itu."

Ketiga: Beroleh kejayaan mendapat darjat orang-orang mati syahid sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu

"Wajiblah di atas kamu bersifat benar kerana sifat benar itu menuntun kepada kebajikan dan kebajikan itu menuntun ke syurga..."

Alaihi Wasallam yang bermaksud kira-kira:

"Barangsiapa yang memohonkan mati syahid dengan benar nescaya Allah menempatkannya ke darjat orang-orang mati syahid sekalipun dia mati di atas katilnya."

Keempat: Terselamat daripada perkara-perkara yang menyusahkan diri.

Daripada keterangan-keterangan kitab Suci Al-Quran dan hadis-hadis yang telah kita sebutkan tadi wajiblah kita menanamkan sifat benar dan mengamalkannya di dalam hidup kita sehari-hari baik di dalam perbuatan mahupun di dalam percakapan kita. Mudah-mudahan dengan demikian kita akan termaktub sebagai orang yang benar yang mendapat pujian dan keredaan Allah.

DALAM MENCARI NAFKAH JANGAN LUPA SURUHAN ALLAH

HIDUP bukan untuk makan, tetapi makan untuk hidup, semua manusia berkehendak kepada makan demi untuk menyambung hidupnya, untuk memenuhi kehendak sedemikian kita perlu berusaha mencari rezeki, bagi memenuhi nafkah kita dan orang-orang yang menjadi tanggungan dalam keluarga itu sendiri. Maka dalam mencari nafkah kehidupan tadi adalah perlu bagi kita memenuhi lunas-lunas dan cara-cara yang tertentu dan ditentukan. Bagi umat Islam ketentuan mencari nafkah tersebut tidak terbatas asalkan rezeki yang dicari itu melalui cara dan jalan yang halal di sisi agama, baik di laut atau di darat, makan gaji atau kerja sendiri serta lainnya. Akan tetapi penganal hendaknya dengan harta yang banyak dan kemewahan kehidupan itu kelak akan membahayakan manusia yang beragama Islam itu tadi lupa pada dirinya dan kewajibannya terhadap agama, jauh dari menjalankan dan mematuhi kehendak agama, yang akhirnya lupa kepada Tuhan di kala senangnya. Peringatan Allah Subhanahu Wataala bagi manusia sedemikian ternyata selali sebagaimana dalam

surah Al-Munafiqun ayat 9 bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barangsiapa yang membuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

Lalai dalam mengingat Allah, adalah meringankan akan apa jua tuntutan dan kehendak agama, sama ada terluang atau disenghajakan, contohnya sembahyang, apakah kita tidak boleh berfikir bahawa dalam masa tertentu terutama dalam mencari nafkah/rezeki tadi tidak terlintas bagi kita melakukan sembahyang yang bila tiba pada waktunya, padahal ketika itu ada masa terluang bagi melakukan hal sedemikian. Kebanyakannya sekarang bagi pekerja-pekerja di jabatan-jabatan Kerajaan disediakan tempat-tempat sembahyang, atau terus pergi ke masjid atau surau yang berhampiran atau tunggu sahaja sesudah balik ke rumah, dalam waktu-waktu pulang tengahari dan petang, di mana waktu-waktu tersebut kebetulan termasuk waktu sembahyang zuhur dan asar, dan masih boleh bagi kita

mendapatkan waktu-waktunya tanpa mengadakannya.

Akan tetapi kan halnya ada setengah orang-orang kita sengaja meninggalkan ketepatan waktu yang tertentu sehingga berlaku begitu sahaja padahal boleh dilakukan. Seperti juga dengan halnya waktu maghrib yang begitu singkat masih ada yang sedang jogging beramai-ramai di padang, dan ada pula yang masih sibuk "menambang" di perahu-perahu penambang, maklum waktu "maghrib bercacau cacau" banyak hal yang boleh terjadi dalam mengira untung rugi, padahal melakukan sembahyang tidak sampai 15 minit dalam perkiraan biasa di mana kita boleh turun balik "menambang" sesudah sembahyang tidak usah dikada lagi setiap hari, begitu pentingnya sembahyang dan kewajipan yang dituntut ke atasnya tidaklah payah untuk kita huraikan panjang lebar, kerana selaku umat Islam kita sudah sedia maklum betapa sembahyang itu wajib bagi seseorang yang mengakui dirinya Islam. Mengapa kita mahu meninggalkan sembahyang itu walaupun kita perlu juga

mencari nafkah, bukankah Allah Subhanahu Wataala telah mengatakan: "Apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka berterbahallah kamu di muka bumi, dan carilah kurnia Allah. Dan banyak-banyaklah mengingat Allah, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan." Surah Al-Jum'ah ayat 10.

Maka itu tidak ada batas waktu yang terluang dalam meninggalkan ibadat sembahyang tadi, mengapa kita mahu lari dari kenyataan yang hak dari tuntutan yang wajar dan diwajibkan. Apakah kita mahu hidup dalam kekufuran sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Riwayat Hibabatullah At-Tabari (sahih menurut syarat Imam Muslim) bermaksud: "Pemisah antara seseorang dengan kekufuran dan keimanan ialah sembahyang. Apabila dia meninggalkan sembahyang, maka telah syiriklah dia."

Dalam hal selanjutnya kita akan dapat mengukur diri masing-masing dalam menetapkan di mana kita sekarang berada dan apakah

kehendak dan tuntutan agama sudah sejauh mana kita buat supaya taraf keislaman itu bukan sekadar sebutan "Islam keturunan" atau "Islam Membangan" atau kita masih baru mengirangirang untuk membetulkan langkah-langkah yang sumbang, kalau demikian kita wajib bersyukur pada Tuhan walaupun kesedaran dalam beragama itu baru wujud kerana kita masih belum lagi terlambat di mana Allah Amat Pemurah dan Maha Mengasihani. Maka itu apakah kita akan tergolong kedalam golongan tokoh-tokoh kekufuran sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda riwayat Abdullah bin 'Amir bin Al-'Aas bermaksud: "Siapa memelihara sembahyang adalah dia akan memperoleh cahaya, kenyataan dan kelepasan; dan di hari kiamat adalah bersama-sama Qaaruun, Fir'aun, Haaman dan Ubay bin Khalaf."

Mengikut keterangan dalam buku "Ulasan Kufurnya Orang Meninggalkan

Menuju keredaan Allah

Sembahyang, pada menghuraikan hadis berkenaan mengenai dengan 4 orang tokoh kekufuran tadi adalah sebagai berikut: -

Maka siapa yang meninggalkan sembahyang sebab sibuk menguruskan harta bendanya, maka dia adalah bersama-sama QAARUUN.

Siapa meninggalkan sembahyang sebab sibuk menguruskan Kerajaannya, maka dia adalah bersama-sama FIR'AUN.

Siapa meninggalkan sembahyang sebab sibuk dengan pentadbirannya (di mana dia ketuanya) maka dia adalah bersama HAAMAN.

Seterusnya siapa meninggalkan sembahyang sebab sibuk dengan pemiannya, maka dia adalah bersama-sama UBAY BIN KHALAF.

Demikian yang dapat kita petik dalam buku berkenaan, semoga kita tidak akan tergolong ke dalam mereka yang dinyatakan dan semoga Allah jua yang mengukuhkan keimanan kita sehingga ke akhir hayat.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PENTERJEMAH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENTERJEMAH (Inggeris/China) di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5—\$900-\$1625 sebulan.
Kelayakan dan Pengalaman:
a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya mendapati 3 mata pelajaran di Peringkat Biasa, Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris.
b) Mestilah lulus peperiksaan Chinese Senior Middle Three atau yang sebanding dengannya.
c) Mestilah lulus ujian kecapaian yang akan dikendalikan oleh Pegawai Berita Kanan RTB.
d) Pengetahuan dalam Bahasa Melayu adalah merupakan satu kelebihan.
Tugas-tugas dan Tanggungjawab:
Menterjemah berita dari Bahasa Inggeris ke Bahasa

Cina dan sebaliknya dan menyediakan skrip-skrip berita Cina di Radio.

Bertugas secara bergilir-gilir termasuk di luar waktu pejabat. Membuat tugas-tugas seperti yang diarahkan dari masa ke semasa, termasuk membaca berita Cina (Radio) jika perlu.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 Januari, 1986.
(Bil. Iklan: 147/1986)
(E/343/64)

BIL: 41/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

PEMBEKALAN TYRE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 42/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE, TO

BSS 1387/1867, CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS. IN STANDARD LENGTHS OF 20 FEET. THREADED TO BS. 21 PIPE THREAD AND PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 43/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

BRC FABRIC, ELECTRICALLY CROSS WELDED STEEL WIRE MESH, TO B.S. 1221.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 44/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

CALCIUM CARBONATE CA CO3

PACKED IN 25/50 KLOS 5 PLY EXPORTABLE PAPER BAGS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 45/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

ALUMINIUM SULPHATE IN KIBBLE OR PACKED IN 50 KILOS DOUBLE JUTE BAGS OF NEW PUT WOVEN BAGS

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 46/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

LIQUID CHLORIDE TO BS 3947: 1976 PACKED IN 1,000 KILOS DRUMS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 47/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT MINISTRY OF EDUCATION AND HEALTH TENDER NOTICE

TENDER NO. DMS/27/85
SUPPLY OF DRUGS AND MEDICINES PT. III
(Tender deposit \$500.00).

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at:—

4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,

bekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

PLYWOOD, MARINE QUALITY, MANUFACTURED FROM RED MERANTI TO BSS 1088/1966.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 48/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

GIBBULT JOINT, C.I., C/W RUBBER RINGS, BOLTS & NUTS, CLASS 'C' TO BS. 486/56 FOR USE WITH A.C. PIPES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 49/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

ROOFING, SHEET, CORR., GALVD.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 50/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Disember, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

MANHOLE FRAME AND COVERS TO BS 497.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diisytiharkan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diisytiharkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 104 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BARIK POLIS DAN BALAI POLIS PANAGA, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 November, 1985.

Tarikh tutup: 2 Disember, 1985.
Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00

BIL: JKR KB 105 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK (REVISED DESIGN) KELAS 'E' FLAT, 1 BLOK 16 UNIT, 1 BLOK 12 UNIT DAN 1 BLOK 8 UNIT BARIK KELAMIN UNTUK BAHAGIAN AIR, JKR, JALAN MUMONG, KUALA BELAIT (PERINGKAT II).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 November, 1985.

Tarikh tutup: 2 Disember, 1985.
Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 106 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: PEMBINAAN BARIK LABOUR LINE DI JALAN LORONG TIGA SELATAN, SERIA.

PACKAGE A: 5 BLOK X 16 UNIT DAN 1 BLOK X 20 UNIT (JUMLAH 100 UNIT)

PACKAGE B: 5 BLOK X 16 UNIT DAN 1 BLOK X 12 UNIT (JUMLAH 92 UNIT)

PACKAGE C: 5 BLOK X 16 UNIT DAN 1 BLOK X 4 UNIT (JUMLAH 84 UNIT)

PACKAGE D: 15 BLOK X 16 UNIT (JUMLAH PACKAGE A, B & C DI ATAS)

1 BLOK X 20 UNIT
1 BLOK X 4 UNIT

1 BLOK X 12 UNIT (JUMLAH 276 UNIT).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 November, 1985.

Tarikh tutup: 2 Disember, 1985.
Cagaran tawaran: \$10,000.00 + \$100.00.

BIL: JKR KB 107 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: PEMBINAAN BARIK LABOUR LINE DI JALAN MUMONG, KUALA BELAIT.

PACKAGE A: 5 BLOK X 16 UNIT (JUMLAH 80 UNIT)

PACKAGE B: 1 BLOK X 16 UNIT DAN 1 BLOK X 12 UNIT (JUMLAH 92 UNIT)

PACKAGE C: 5 BLOK X 16 UNIT 1 BLOK X 12 UNIT DAN 1 BLOK X 4 UNIT (JUMLAH 96 UNIT)

PACKAGE D: 15 BLOK X 16 UNIT (JUMLAH PACKAGE A, B & C DI ATAS)

2 BLOK X 12 UNIT DAN 1 BLOK X 4 UNIT (JUMLAH 268 UNIT).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 November, 1985.

Tarikh tutup: 2 Disember, 1985.
Cagaran tawaran: \$5,000.00 + \$100.00.

Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam,
By 12.00 noon on Monday 2nd. December, 1985.

2. Details tender documents can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Ministry of Education and Health, Negara Brunei Darussalam,

Monday — Thursday — 8.30 am — 11.30 am
2.00 pm — 3.00 pm
Saturday — 8.30 am — 10.30 am.